

PERDANA

INTERNATIONAL JOURNAL OF ACADEMIC RESEARCH

eISSN: 2600-9463

REHABILITATION PROGRAM FOR LESBIAN, GAY, BISEXUAL AND TRANSGENDER (LGBT): RIQAB'S REHABILITATION SECTION, MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

PROGRAM PEMULIHAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT): BAHAGIAN PEMULIHAN RIQAB, MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

Azman Ab Rahman¹, NorFatihah Amlin Ab Ghani², Mohammad Anwar Zakaria³ & Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap⁴

¹ (*Corresponding author*). Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia. azman@usim.edu.my

² Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. amlinfatihah@gmail.com

³ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. anwarbv55@gmail.com

⁴ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mursyidjunaidi@yahoo.com

**Vol. 6. No. 2
Special Edition
(SKESA) 2019**

Abstract

The group of al-riqab in the context of MAIS are the people whom stuck in social and beliefs problems such as baby dumping, drugs, prostitution, selling Muslim babies to non-Muslims, homosexual, juvenile, gangsterism, and contagious disease such as AIDS. LGBT is among the group, which belong to al-riqab due to their lifestyle that practise homosexual and they are not living their lives as normal people. Therefore, the objective of this research is to identify the rehabilitation programs for the LGBT that have been conducted by Riqab's Rehabilitation Section, MAIS. This research also will discuss about the activities in the Rehabilitation Program for LGBT conducted by MAIS. This qualitative research using the method of documentation and observation in the process of collecting data regarding to LGBT in Malaysia. The result of this research is there are four phases in the rehabilitation program for LGBT, which conducted by MAIS. Further research is needed to identify the perception of LGBT regarding the rehabilitation program to improve the programs and activities that correspond to the LGBT community in the future.

Keywords: Social Rehabilitation, LGBT, MAIS, Riqab.

Abstrak

Golongan al-riqab tergolong dalam kalangan orang yang dibelenggu masalah sosial dan aqidah seperti pembuangan bayi, dadah, masalah 'ibu ayam', penjualan anak kepada bukan Islam, gaya hidup songsang, kes juvana, gengsterisme, penyakit berjangkit seperti AIDS dalam konteks MAIS. LGBT merupakan antara kumpulan yang tergolong dalam kumpulan al-riqab kerana kumpulan ini mengamalkan gaya hidup songsang dan mereka tidak dapat menjalani kehidupan sebagaimana

yang telah ditetapkan dalam fitrah kehidupan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti program pemulihan LGBT yang dijalankan oleh Bahagian Pemulihan Riqab, MAIS. Kajian ini juga akan membincangkan aktiviti-aktiviti program pemulihan LGBT yang dilaksanakan oleh MAIS. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data LGBT di Malaysia. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat empat fasa program pemulihan LGBT yang dilaksanakan oleh MAIS. Kajian lanjutan tentang persepsi golongan LGBT berkaitan program pemulihan yang dilaksanakan bagi menambah baik program dan aktiviti yang sesuai kepada golongan LGBT pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Sosial, Pemulihan, LGBT, MAIS, Riqab.*

PENDAHULUAN

Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) atau lebih dikenali sebagai golongan “transgenders” dan “transsexual” ialah individu atau kumpulan yang mengalami ketidakstabilan jantina dan kerumitan seksualiti (Lerner, 2006).

Lesbian merujuk kepada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga perempuan homoseksual. Gay ditakrifkan sebagai lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya dan dikenali juga dengan istilah lelaki homoseksual. Biseksual pula ialah seseorang yang cenderung untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita.

Transeksual atau Mukhannath ialah seseorang lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantinanya melalui pembedahan (Kamus Dewan, Edisi Ke-4).

Golongan ini juga digelar sebagai golongan songsang kerana mereka berkelakuan bertentangan dengan jantina sebenar. Golongan ini sering merasakan jika mereka seorang perempuan, mereka sepatutnya adalah lelaki. Jika mereka seorang lelaki, maka sepatutnya adalah seorang perempuan (Lerner, 2006). Golongan ini menganggap bahawa identiti jantina mereka adalah sepatutnya berbeza daripada apa yang sepadan dengan alat seks mereka secara fisiologi.

Pada hari ini, gejala perlakuan dan tabiat yang bertentangan dengan sistem kehidupan normal seseorang manusia telah menjadi suatu perkara yang biasa di dunia amnya dan Malaysia khasnya.

Malah perkara ini diperjuangkan di peringkat antarabangsa menerusi United Nation Human Right Convention (UNHRC) dan disokong oleh negara-negara besar dunia (Mahfudzah, 2015). Pada dasarnya, kelompok LGBT di seluruh dunia menuntut lapan perkara utama (Kamal, 2015), iaitu;

- i. Aktiviti seks sesama jantina (tidak mengambil kira soal haram atau halal).
- ii. Pengiktirafan terhadap hubungan sesama sejenis atau berlainan jenis.
- iii. Perkahwinan sesama jantina.
- iv. Pengambilan anak angkat.
- v. Membenarkan gay untuk berkhidmat dalam tentera.
- vi. Membenarkan lesbian untuk berkhidmat dalam tentera.
- vii. Anti diskriminasi berdasarkan orientasi seksual.
- viii. Memperjuangkan undang-undang untuk identiti gender dan ekspresi gender.

Hakikatnya, fenomena lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) telah lama bertapak di Malaysia sehingga terdapat pelbagai organisasi dan

pertubuhan yang ditubuhkan secara tersusun dan terancang. Peringkat awal kewujudan golongan LGBT di Malaysia bermula dengan kewujudan pondan dan mak nyah sekitar tahun 1980-an (Mahfudzah, 2015).

Golongan ini kemudian semakin bertambah dan berkembang yang menjadikan mereka semakin berani untuk berkelakuan tidak sopan di tempat awan dan juga media sosial. Mereka juga semakin agresif menuntut hak-hak mereka seperti mana hak yang diberikan oleh negara-negara luar setelah mereka mendapat pendedahan berkaitan hal demikian oleh organisasi dan pertubuhan dari luar negara.

Kini, sesetengah negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan Taiwan telah mengiktiraf perlakuan homoseksual secara sah di sisi undang-undang dan pasangan sejenis diberi kebenaran untuk berkahwin. Masyarakat luar menganggap perbuatan ini sangat normal dan menerima golongan LGBT dengan terbuka.

Gejala lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) telah menjadi cara hidup yang diterima oleh masyarakat luar dan kini sedang meresap masuk ke ruang atmosfera kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Namun, masyarakat Malaysia sangat sensitif dengan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabi'e manusia (Mahfudzah, 2015). Oleh itu, golongan LGBT mendapat kecaman hebat di kalangan masyarakat Islam Malaysia (Nor Hafizah, 2016).

Islam melarang perbuatan menyerupai jantina berlawanan dan perbuatan songsang seperti lelaki berkelakuan dan berpakaian menyerupai wanita dan wanita berkelakuan dan berpakaian menyerupai lelaki. Allah melaknat perbuatan yang menyalahi fitrah dengan jelas disebut di dalam Al-Quran, Surah Al-a'raf ayat 80-81.

﴿وَلُوطاً إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقُكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ﴾

شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ وَبَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُسْرِفُونَ﴾

Maksudnya, "Dan Nabi Luth ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsumu bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas" (Al-Quran. Al-A'raf: 80-81).

Selain itu, terdapat juga hadith-hadith yang jelas melarang dan mengeji perlakuan LGBT seperti hadith berikut:

Hadis Ibnu Abbas: "Allah SWT melaknat sesiapa saja yang melakukan perbuatan kaum Luth, (baginda mengulanginya tiga kali)" (Hadis. Al-Nasa'i)

Di Malaysia, ulama-ulama telah membincangkan perkara berkaitan LGBT dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan telah mengeluarkan beberapa fatwa berkaitan perlakuan LGBT ini. Antaranya ialah:

1. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang Kali Ke-4 pada 13 hingga 14 April 1982 telah membincangkan mengenai Pertukaran Jantina dari Lelaki Kepada Perempuan dan memutuskan bahawa:
 - a. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di segi syarak.
 - b. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.
 - c. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.
 - d. Seseorang yang dilahirkan 'khunsa musykil' iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan,

diharuskan melakukan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dan dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Isu Kekeliruan Jantina Congenital Adrenal Hyperplasia Dan Testicular Feminization Syndrome. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Bagi kes Congenital Adrenal Hyperplasia (CAH) pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal iaitu perempuan adalah diharuskan oleh Islam kerana ia boleh dilakukan melalui rawatan hormon dan pembedahan. Manakala bagi kes Testicular Feminization Syndrome (TSF), untuk kembali kepada genetik asal (lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormon adalah sukar. Sekiranya individu berkenaan bercadang untuk melakukan pembedahan, ia adalah diharuskan selagi mana perbuatan tersebut tidak mendatangkan kemudarat sama ada dari aspek psikologi atau biologi kepada individu tersebut.

Bagi kes Testicular Feminization Syndrome yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diiktiraf berdasarkan fizikal dan genitalia zahir mereka. Pembedahan untuk mengeluarkan testis (sekiranya ada) adalah harus untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami Testicular Feminization Syndrome tidak perlu dipisahkan. Pakarpakar perubatan perlu memberi penjelasan, bimbingan dan menasihati ibubapa serta individu-individu muslim yang terlibat dengan kes-kes Congenital Adrenal Hyperplasia dan Testicular Feminization Syndrome supaya menjalani rawatan bagi mengelakkan permasalahan hukum agama di kalangan umat Islam.

Bilangan kumpulan LGBT semakin meningkat dari hari ke hari dan jumlah gay di Malaysia dianggarkan seramai 310,000 orang dan jumlah transgender seramai 30,000 orang (Berita Harian, 2018). Jumlah ini telah dikenal pasti oleh pihak Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) secara kasar dan jumlah tersebut masih tidak disahkan tepat dengan bilangan sebenar. JAKIM berjaya membawa 1,450 anggota masyarakat LGBT ‘pulang ke jalan yang benar’ melalui program mukhayyam, selain akan terus membantu golongan terbabit.

Selain daripada usaha JAKIM dalam memulihkan dan mengurangkan bilangan LGBT di negara ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut mengadakan beberapa program untuk memulihkan golongan LGBT dan mendekatkan mereka kepada agama. Program-program tersebut dikendalikan oleh satu bahagian di bawah MAIS iaitu Bahagian Pemulihan Al-riqab.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penyelidikan merupakan kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Ianya boleh difahami sebagai ilmu untuk mengkaji bagaimana kajian itu dijalankan secara ilmiah. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dalam proses pengumpulan maklumat. Data-data terkumpul daripada dokumentasi yang dijalankan akan dianalisis menggunakan kaedah induktif, deskriptif dan komparatif bagi mendapatkan penyelesaian kepada permasalahan kajian.

Kaedah dokumentasi digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul maklumat-maklumat dan data berbentuk kualitatif yang berkaitan dengan topik perbincangan. Ia merangkumi data sekunder dari sumber-sumber dalam bentuk kitab-kitab turath, buku-buku akademik, jurnal, prosiding seminar, laporan dan laman web.

Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengenal pasti program-program yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk golongan LGBT.

Data-data kualitatif yang diperolehi daripada kaedah dokumentasi dianalisis secara induktif, deskriptif, dan komparatif. Pendapat-pendapat ulama tentang golongan LGBT, Bahagian Pemulihan Riqab dan program-program yang dijalankan dikumpul dan dianalisis untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih khusus dan mudah untuk difahami. Analisis yang diperolehi akan digunakan untuk menjadikan program dan aktiviti-aktiviti untuk golongan LGBT menjadi lebih efisien dan efektif.

DAPATAN KAJIAN

Bilangan individu yang terlibat dengan LGBT di Malaysia dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Peranan Bahagian Pemulihan Al-riqab, Majlis Agama Islam Selangor sebagai badan yang mengadakan dan menyelia program-program pemulihan, kaunseling dan bimbingan kepada golongan LGBT di Selangor merupakan satu inisiatif yang berkesan dalam membimbing dan memulihkan golongan LGBT.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Pemulihan Al-riqab, di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah mengadakan program-program pemulihan mengikut fasa kepada golongan LGBT.

PENUBUHAN BAHAGIAN PEMULIHAN AL-RIQAB, MAIS

Definisi al-riqab berdasarkan Majlis Agama Islam Selangor ialah seseorang yang terbelenggu di bawah sesuatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik. Terbelenggu dengan gaya hidup songsang seperti pelacur, lesbian, homoseksual, mak nyah atau transeksual, biseksual, pengkid, tomboy, gigolo dan bersekedudukan dengan orang bukan Islam (Azman Ab Rahman, 2016).

Penubuhan Bahagian Pemulihan Al-riqab adalah bagi membantu golongan riqab ini mendapat manfaat wang zakat melalui program pemulihan yang dilaksanakan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan dibantu badan bukan kerajaan berdaftar bertujuan

mendidik dan membimbing mereka menjadi mukmin yang direhui. Pengurus Jawatankuasa Riqab negeri, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof yang menyatakan bahawa bantuan keperluan hidup turut diberikan kepada golongan ini, sebagai contoh, asnaf riqab diberi bantuan sewa rumah supaya mereka boleh berhijrah ke tempat tinggal yang lebih baik untuk istiqamah dengan cara hidup bersyariat. Bukan sahaja golongan riqab malah penjaga turut mendapat bantuan kewangan bulanan untuk menggalakkan asnaf riqab menghadiri kelas bimbingan dianjurkan MAIS.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut menyalurkan bantuan lain antaranya modal perniagaan dan perubatan untuk meringankan beban kehidupan serta untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi juga sosial masyarakat Islam khususnya selaras hukum syarak.

Antara fungsi-fungsi Bahagian Pemulihan Al-riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah menyelaras dan menyelia aktiviti rumah kebajikan dan perlindungan yang terdapat di Negeri Selangor agar seragam dari segi pengurusan di setiap tempat. Bahagian ini juga berperanan dalam menguruskan perkhidmatan perlindungan dan pemuliharan kaunseling kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dalam gejala sosial. Selain itu, Bahagian Pemulihan Al-riqab juga memainkan peranan dalam menguruskan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada individu dan kumpulan Islam yang memerlukan pemuliharan akidah.

PROGRAM PEMULIHAN LBGT

Golongan LGBT Muslim adalah pada asasnya Islam. Walaupun mereka terjebak dengan perilaku terkutuk ini, ruang dan peluang harus diberikan kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan. Walaupun mereka sedar mereka terjebak dalam kancan maksiat, tetapi kita percaya jauh di sudut hati mereka, mereka sedar apa yang mereka lakukan adalah tidak normal dan bertentangan

dengan ajaran Islam.

Oleh yang demikian, Bahagian Pemulihan Al-riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), telah menyediakan satu program khusus untuk golongan LGBT yang membuka peluang dan ruang untuk memberi bimbingan dan ajaran agama yang sepatutnya dibuat oleh MAIS. Program pemulihan dan dakwah kepada golongan LGBT ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2012 dan mulai diberi pengukuhan dan penambahbaikan pada tahun 2015.

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN PROGRAM:

Di bawah Bahagian Pemulihan Al-riqab telah diwujudkan satu Unit Prihatin sebagai unit khusus yang bertanggungjawab melaksanakan program LGBT. Unit ini menjalankan program dengan kerjasama NGO khusus golongan LGBT.

Tujuan utama unit ini bagi melaksanakan program berdasarkan peruntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (EPAINS) 2003 bahwasanya:

"Perkara 7(1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan social masyarakat Islam di dalam negeri Selangor selaras dengan hukum syarak".

Selain itu, program pemulihan LGBT yang dijalankan bertujuan untuk melaksanakan rawatan, pemulihan, perlindungan dan pengawalan kepada asnaf riqab khususnya golongan LGBT. Menyampaikan dakwah dan ilmu Islam kepada golongan LGBT merupakan tugas dan tanggungjawab semua namun dengan adanya program pemulihan riqab, maka tanggungjawab tersebut telah dilaksanakan oleh Bahagian Pemulihan al-riqab. Program-program tersebut dilaksanakan melalui 4 fasa perlaksanaan program.

Fasa 1: Ziarah

Fasa 1 melibatkan aktiviti-aktiviti ziarah ke rumah dan outreach ke lapangan.

Walaupun hanya baru dalam Fasa 1, namun impak program tersebut cukup besar. Golongan-golongan LGBT kini semakin bebas dari salah tanggap (stigma) negatif kepada institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan terdapat beberapa orang dalam kalangan LGBT yang ingin melibatkan diri dalam program yang dipromosikan kepada mereka. Program Fasa 1 ini telah membantu Bahagian Pemulihan Riqab mengenal pasti latar belakang individu LGBT dari sudut kekeluargaan dan taraf hidup. Hal ini bagi melihat suasana dan persekitaran kehidupan golongan ini dan kebolehterimaan ahli keluarga mereka terhadap golongan LGBT sebagai sebahagian daripada keluarga.

Fasa 2: Jalinan Ukhwah

Program Fasa 2 lebih meliputi kepada aktiviti-aktiviti santai dan membina hubungan yang lebih rapat antara pengajur program dengan peserta-peserta seperti Program Jalinan Kerjasama atau Program Ziarah Mahabbah. Aktiviti-aktiviti dalam Program Ziarah Mahabbah adalah seperti lawatan ke sekitar kawasan setempat, sesi perkongsian dan pengenalan program. Sesi ramah mesra antara peserta-peserta dan antara peserta dan pengajur. Selain itu, kuiz juga turut dijalankan yang bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan peserta. Soalan-soalan kuiz adalah berkenaan dengan soalan-soalan asas Islam dan sejarah setempat.

Bagi memenuhi keperluan rohani, para peserta dan pengajur solat berjemaah setiap waktu solat dan selepas solat fardhu Subuh diadakan tazkirah pendek yang berkaitan tentang agama Islam dan akhlak murni. Peserta yang mengikuti program ini juga berpeluang untuk mengikuti aktiviti riadah dan sukan. Program ini telah dijalankan di beberapa buah negeri seperti Melaka dan Kedah pada bulan Januari dan Februari tahun 2018.

Selain Program Ziarah Mahabbah, dalam Fasa 2 juga dijalankan Program Penghayatan Islam yang dipenuhi dengan

aktiviti sesi ramah mesra, teori dan praktikal spiritual Islam dan muhasabah diri. Program ini juga mempraktikkan solat secara berjemaah dan mengisi waktu selepas solat fardhu dengan tazkirah daripada wakil penganjur mahupun tetamu jemputan.

Kedua-dua program dalam Fasa 2 telah dapat mengumpulkan golongan LGBT yang baharu dan program ini telah berjaya membuang stigma golongan LGBT kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Program ini juga membuka peluang yang luas kepada golongan LGBT untuk dekat dengan golongan pendakwah dan menarik minat golongan LGBT untuk mendalami ilmu asas agama Islam. Berbanding keadaan sebelum ini, golongan LGBT dilihat malu dan serba salah untuk bertanya mengenai perkara-perkara berkaitan dengan agama namun dengan adanya program sebegini mereka merasa lebih selesa mendekati para pendakwah dan dalam masa yang sama dapat menambah info baru tentang peranan dan tugas Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Fasa 3: Bimbingan

Fasa 3 diisi dengan program seperti Kelas Bimbingan Agama, Perawatan dan Pemulihan serta Program Bantuan dan Kebajikan. Kelas Bimbingan Agama merupakan kelas yang diadakan secara berjadual atau berkala kepada golongan LGBT untuk mempelajari tentang ilmu asas Islam, Tajwid dan cara membaca Al-Quran, serta Adab Muamalah. Berikut adalah jadual bagi Kelas Bimbingan Agama (Berkala/ Berjadual):

Tarikh Tempat	Peserta	Silibus
Hari Sabtu dan Ahad	setiap minggu	
KMK Klang	30 orang	
Ilmu asas Islam		
Isnin dan Khamis	malam	
Pertubuhan PAFI Ampang	15 orang	
Ilmu asas Islam		
Isnin dan Rabu	malam Pertubuhan Usrah Fitrah	
20 orang	Tajwid	
	dan mengaji	
Khamis	malam Pertubuhan Usrah Fitrah	
20 orang	Adab Muamalah	

Program kedua yang dijalankan dalam Fasa 3 adalah Perawatan dan Pemulihan. Program ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu rawatan klinikal dan rawatan spiritual. Rawatan Klinikal diberikan kepada peserta melalui check up rutin dan rawatan ubat-ubatan. Program Perawatan dan Pemulihan ini dijalankan khusus kepada peserta yang memerlukan kepada ubat-ubatan dan sokongan perubatan dalam proses pemulihan dan perlu dibantu. Manakala, rawatan spiritual ialah rawatan yang diberikan kepada golongan-golongan LGBT melalui rawatan spiritual Islam yang dilaksanakan secara berkala mengikut tahap kepulihannya seseorang.

Selain itu, satu lagi program dalam Fasa 3 adalah Program Bantuan dan Kebajikan. Program ini diadakan bagi meraikan golongan LGBT yang ingin pulih dengan memberikan sumbangan dan kebajikan semasa proses pemulihan dan rawatan mereka. Antara program yang pernah dianjurkan adalah seperti Majlis Iftar & Terawih Berjemaah Komuniti Disayangi 2018 yang bertempat di Kompleks Satey Kajang Hj Samuri, Kajang. Pihak Majlis Agama Islam Selangor juga turut memberikan bantuan berbentuk material atau keperluan hidup seperti agihan bantuan sempena menyambut Syawal kepada golongan LGBT yang menyertai program pemulihan yang diadakan.

Fasa 4: Pengukuhan

Fasa terakhir dalam Program Pemulihan LGBT adalah program yang lebih fokus kepada tiga aspek iaitu Ibadah, Spiritual dan kasih sayang. Program-program Ibadah yang dijalankan adalah memfokuskan kepada praktikaliti dan pemahaman tentang Islam serta pengukuhan ibadah seperti Program Pengukuhan Agama Islam, Program Sokongan Mengerjakan Ibadah Umrah Haji dan Program Penghayatan Pelaksanaan Amalan Islam.

Manakala program-program yang diadakan berkaitan dengan rawatan spiritual Islam pula ialah seperti latihan selama sepuluh hari di Madrasah dan

mewujudkan alumni asnaf riqab kategori LGBT. Para peserta dari golongan LGBT akan menjalani latihan pengukuhan ibadah dan rohani selama sepuluh hari di Madrasah. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membantu golongan LGBT mengukuhkan rohani mereka dan membina kekuatan yang cukup untuk menghindarkan diri dari kembali terjebak dengan gejala LGBT. Peserta yang mempunyai potensi untuk pulih sepenuhnya dan berkepimpinan akan dijadikan sebagai alumni kepada peserta-peserta lain. Perkara ini bagi memudahkan pengurusan dan pemahaman situasi berdasarkan masalah yang dihadapi oleh golongan LGBT ini.

Program Tautan Mahabbah adalah satu program yang dijalankan bagi membina dan mengeratkan hubungan antara penganjur dan para peserta. Antara aktiviti-aktiviti utama yang diadakan dalam program ini adalah sesi membina hubungan dalam satu pasukan, menerapkan amalan Sunnah dan teori dan praktikal rawatan Spiritual Islam. Selain itu, turut diselitkan tazkirah selepas Solat Fardhu secara berjemaah, muhasabah diri dan aktiviti riadah. Program Tautan Mahabbah telah banyak kali diadakan oleh Majlis Agama Islam Selangor dan antara program yang telah diadakan ialah pada 4 hingga 6 Mei 2018 di White Rose, Cameron Highland.

Keempat-empat fasa yang dijalankan oleh Bahagian Pemulihan Al-riqab adalah berdasarkan tahap dan kesesuaian peserta yang bermula dengan mereka yang masih baru mendekati ilmu agama sehingga mereka yang telah mempraktikkan ilmu agama tersebut.

PENUTUP

Islam melarang perbuatan dan gejala LGBT secara jelas di dalam Al-Quran, demi menjaga dan memelihara manusia dan tamadun manusia. Keutamaan dalam konteks maqasid syariah untuk memelihara agama dan keturunan dengan penekanan kepada maslahah ummah hendaklah menjadi tunjang dalam mendepani ancaman dan cabaran ini.

Program-program yang diadakan

oleh Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam ini dilihat memberi impak yang besar kepada masyarakat terutamanya golongan LGBT. Program-program ini perlu diteruskan dan ditambahbaik seiring dengan perubahan zaman dan keadaan sosial semasa bagi memulihkan golongan LGBT di negara ini. Tindakan yang wajar dan sesuai seharusnya diambil oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan dari golongan ini terus berusaha memperjuangkan ‘hak’ mereka.

Pandangan dan maklum balas daripada golongan LGBT yang menyertai program tersebut dilihat sangat memberangsangkan dan memuaskan hati pihak penganjur program. Selain daripada mendapat ilmu agama tentang ibadah dan Haji Umrah, para peserta juga dapat memulihkan diri mereka kepada fitrah asal. Walaupun program-program yang dijalankan tidak mampu memulihkan golongan LGBT dengan sepenuhnya, namun tindakan yang proaktif ini perlu terus disokong oleh orang ramai.

RUJUKAN

- Ahmad M.I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreen, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. 2015. *Faktor Dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian : Satu Kajian Kes. Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol.10. No.1.
- An-Nasa'i. *As-Sunan Al-Kubra*. Jilid IV/322 No.7337.
- Azman Ab Rahman et. Al. 2016. *Kedudukan Asnaf Al-riqab Sebagai Penerima Zakat di Malaysia*. Nilai : Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Berita Harian.
[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim diakses pada 15 Mei 2019.](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim-diakses-pada-15-Mei-2019)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

- Kamal Azmi Abd Rahman. 2015. *Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial Yang Mempromosikan Agenda LGBT Dalam Isu-isu Semasa Media Dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 50
- Kamus Dewan Edisi Keempat. <http://prpm.dbp.gov.my/> diakses pada 13 Mei 2019.
- Khairul Hamimah Muhammad Jodi, Noor Hafizah Mohd Haridi. 2018. *Cabar dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah*. International Seminar on Human Development (Is-Hud'18). 22 November 2018.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Mengenai Isu-isu Sains dan Perubatan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2010. Hlm 8
- Kompilasi Pandangan Hukum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2015.
- Laman Web Majlis Agama Islam Selangor. <http://www.mais.gov.my/organisasi/sektor-pembangunan-sosial/bahagian-pemulihan-al-riqab> diakses pada 14 Mei 2019.
- Lerner BW, Lerner KL, Lerner AW ed. *Gender Issues and Sexuality: Essential Primary Sources*. Thomson I Gale. 2006. Harvard University
- Mahfudzah Mohamad. 2015. *Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender : Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah*. Jurnal Undang-undang Malaysia. 19
- Masthuriyah Sa'dan. 2016. *LGBT Dalam Perspektif Agama Dan HAM*. NIZHAM. Vol.5 No. 1. UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman, Rosni Wazir. 2016. *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender (LGBT)*. Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Peradaban Islam.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Salleh. 2016. *Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia*. Journal of Islamic & Social Studies. Vol.2. No.2. Islam Realitas. Selangor Kini. <https://selangorkini.my/2019/01/mais-salur-rm4-34-juta-kepadarumah-pemulihan-al-riqab/> diakses pada 23 Mei 2019.
- Siti Hajar Jamal. 2018. *Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018 (MEDC 2018). Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). 7-8 November 2018.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.